

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2024

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
PERATURAN PEMARKAHAN



MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

- Soalan 1: 8 markah
- Soalan 2: 6 markah
- Soalan 3: 11 markah
- Soalan 4: 6 markah
- Soalan 5: 4 markah

Perhatian bagi soalan 1

- 1 Berikan 1 markah bagi setiap kata akronim yang betul.
- 2 Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata akronim tersebut.
- 3 Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- 4 Sekiranya beberapa kata akronim telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- 5 Kata akronim salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- 6 Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- 7 Kata akronim digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
- 8 Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- 9 Maksud yang tidak jelas, berikan 0 markah.
- 10 Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 - Morfologi (kata akronim)

- (i) purata - pukul rata / anggaran
- (ii) jenama - jenis nama / nama produk yang diberi oleh pengeluar
- (iii) sukaneka - sukan aneka / pelbagai acara sukan
- (iv) senamrobik - senaman aerobik / gabungan senaman dan pergerakan aerobik

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis (jenis ayat)

- (i) ayat silaan 1
- (ii) ayat suruhan 1
- (iii) ayat silaan 1
- (iv) ayat larangan 1
- (v) ayat permintaan 1
- (vi) ayat suruhan **silaan** 1

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

kesalahan	pembetulan	jenis kesalahan	
(i) barisan-barisan	- barisan	<i>bahasa</i>	1
(ii) Jawatan kuasa	- jawatankuasa	<i>ejaan</i>	1
(iii) izinnya	- izin-Nya	<i>ejaan</i>	1
(iv) diberikan	- diberi	<i>imbuhan</i>	1
(v) mengajak	- menjemput	<i>istilah</i>	1
(vi) bangga	- berbangga	<i>imbuhan</i>	1
(vii) Yang berusaha	- Yang Berusaha	<i>ejaan</i>	1
(viii) bersama-sama dengan	- Bersama-sama / bersama dengan	<i>bahasa</i>	1

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

kesalahan	pembetulan		
(i) Pada masa kini	- Pada masa ini / Kini	<i>bahasa</i>	1
(ii) agar supaya	- agar / supaya	<i>bahasa</i>	1
(iii) memperluaskan	- memperluas/ meluaskan	<i>imbuhan</i>	1
(iv) kontek	- konteks	<i>ejaan</i>	1
(v) suatu	- satu	<i>istilah</i>	1
(vi) dibukti	- terbukti	<i>imbuhan</i>	1

[Maksimum: 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	3 - 4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Semua kata/pandangan/pendapat Tun Perak telah dipersembahkan oleh Seri Amerta kepada Duli Yang Dipertuan. Baginda tersenyum sambil/lalu bertitah, “Betul pandangan / pendapat / kata Tun Perak itu.”

Baginda mengambil sirih **daripada** tepak sirih baginda dan disuruh untuk diberikannya kepada Tun Perak. Kemudian, baginda bertitah kepada Tun Perak, “Tun Perak tidak sepatutnya tinggal di Kelang lagi; lebih baik Tun Perak tinggal di sini di negeri ini.”

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

- i) pilih kasih / berat sebelah
- ii) salin tak tumpah
- iii) buang yang keruh, ambil yang jernih
- iv) bagai menatang minyak yang penuh

Nota: Berikan **2 markah** untuk setiap peribahasa yang tepat

[Maksimum: 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada:

Soalan 6	:	12 markah
Soalan 7	:	13 markah
Soalan 8	:	10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

Markah

(i) Maksud

- P1 mutu barang / barangan 2
- P2 *kualiti* barang / barangan 1
- P3 mutu *produk* 1

[maksimum 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Manfaat

Bahan 1

- P1 tahan disimpan lama
- P2 produk yang berkualiti
- P3 produk makanan yang segar

Bahan 2

- P4 cepat dan mudah disediakan
- P5 boleh menjana pendapatan

Bahan 3

- P7 lebih murah

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) peranan kerajaan

- P1 membantu usahawan memasarkan produk / mempromosikan produk/kempen keusahawanan/ karnival keusahawanan
- P2 menyediakan kemudahan pembiayaan / pinjaman / **subsidi**

- P3 mengelolakan latihan/kursus/bengkel
- P4 melakukan penyelidikan dan pembangunan makanan sejuk beku
- P5 memudahkan proses permohonan sijil halal
- P6 memudahkan proses pendaftaran syarikat
- (peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 memberi khidmat nasihat
- P2 membawa rakan mendaftar perniagaan
- P3 mencadangkan jenis produk sejuk beku
- P4 membimbing prosedur memulakan perniagaan
- P5 mengajak rakan menghadiri kursus/bengkel
- P6 memberi pinjaman modal
- P7 memperkenalkannya kepada rakan niaga yang lain

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum :3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 7

(i) maksud

- P1 Semakin / menjadi / kian / lebih luas / maju / berkembang / cepat / pantas / segera / laju / lekas 2
- P2 **bertambah** luas / maju / berkembang / cepat / pantas / segera / laju / lekas 1
- P3 Semakin / menjadi / kian / lebih **pesat** 1

[maksimum 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Bukti kehebatan sesuatu bangsa dan kemajuan sesebuah negara

Bahan 1

- P1 membina sebuah empayar besar yang dikagumi dunia
- P2 menukarkan tanah negeri yang dipenuhi hutan dan belantara menjadi pelabuhan dagang terhebat dan termasyhur
- P3 menakluki saujana dunia dari timur ke barat.

Bahan 2

- P3 pembangunan bertambah maju / **pesat**
- P4 bangunan yang tinggi (bangunan tinggi mencakar langit)

P4 lebuh raya dibina merentasi bukit (lebuhraya berlingkar melintasi bukit)

P5 hasil bumi yang banyak (hasil bumi bertimbun-timbun)

[maksimum 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Faedah-faedah

P1 meningkatkan imej negara /negara dipandang tinggi

P2 peluang pekerjaan / mengurangkan pengangguran

P3 kestabilan ekonomi/memajukan ekonomi

P4 sosioekonomi/pendapatan rakyat / taraf kesihatan / pendidikan / keselamatan meningkat

P5 peluang perniagaan / menarik pelabur asing

P6 kemudahan infrastruktur / kemudahan asas lebih lengkap

(Faedah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Usaha-usaha

P1 menyediakan kertas kerja / merancang projek pembangunan

P2 memohon bantuan / dana

P3 membuat kutipan dana pembangunan

P4 memberi sumbangan peribadi

P5 membentuk jawatankuasa pembangunan

P6 menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat / NGO

(Usaha-usaha lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum :4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) Nasihat-nasihat:

P1 sila tarik balik sebut harga Dedaun Emas

P2 minta Menteri Besar membuat sidang akhbar

P3 selamatkan nyawa Muhammad Taufik dahulu dari jauh

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

(ii) Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

Soalan novel: 6 markah

- a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi **setiap peristiwa** yang betul (**peristiwa yang menimbulkan rasa ingin tahu pembaca**)
- d) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik - 2 markah
 - Lemah - 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

Cadangan Jawapan

Novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. Peristiwa Lili pulang ke kampung datuknya seorang diri.

Huraian: Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** kerana pembaca tertanya-tanya sama ada Lili selamat sampai ke destinasiya.

2. Peristiwa Lili ingin mengetahui sebab jendela rumah penduduk di kampung itu menghadap jalan.

Huraian :Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** sebab jendela rumah-rumah dibina menghadap jalan.

3. Peristiwa Lili diculik oleh Haziq dan Rafiq dan dikurung di dalam sebuah pondok usang di dalam hutan.

Huraian: Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** tentang nasib yang menimpa Lili setelah diculik oleh Haziq dan Rafiq.

4 Peristiwa Danel yang menyelamatkan Lili seorang diri pada waktu malam.

Huraian: Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** sama ada Lili berjaya diselamatkan oleh Danel.

5 Peristiwa datuk Lili tidak pulang ke rumah sepanjang malam

Huraian: Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** tentang punca kehilangan datuk pada malam tersebut.

6 Peristiwa Che Jah tidak mesra ketika kunjungan Lili ke rumahnya kali kedua.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca kerana pembaca tertanya-tanya sebab Che Jah tidak mesra dengan Lili.

7 Peristiwa Che Jah melaporkan tindakan suaminya yang panas baran dan mendera diri dan anak-anaknya kepada pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca kerana pembaca tertanya-tanya sama ada suami Che Jah berjaya ditangkap atau sebaliknya

8 Peristiwa kehilangan kubah surau di Kampung Sentosa. Penduduk kampung menuduh Haziq dan Rafiq yang mencuri kubah tersebut. Sebenarnya ayah mereka, Semanlah yang mencuri kubah tersebut.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca kerana pembaca ingin tahu orang yang mencuri kubah tersebut.

Novel Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip

1 Peristiwa ibu Dahlia yang mengalami kemurungan dan melarikan diri ke kebun getah pada waktu senja.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca sama ada ibu Dahlia yang sakit berada dalam keadaan selamat.

2 Peristiwa Embong dibelit ular sawa semasa membersihkan kebun kelapa sawit.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca sama ada Embong selamat dalam kejadian tersebut.

3 Peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca sama ada Dahlia berjaya menyelamatkan Said atau tidak.

4 Peristiwa Abu Bakar menemukan bungkusan kain merah yang sudah reput yang mengandungi dua biji telur busuk, jarum peniti, cincin akik, butiran pasir dan dua batang paku.

Huraian : Peristiwa ini menimbulkan rasa ingin tahu pembaca kerana pembaca tertanya-tanya orang yang meletakkan bungkusan itu dan tujuan bungkusan itu diletakkan di bawah rumah Embong.

5 Peristiwa kambing Embong yang hilang.

Huraian : Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** tentang pencuri kambing tersebut.

6 Peristiwa keluarga Azhari lewat sampai ke rumah Dahlia pada hari pertunangan mereka.

Huraian: Peristiwa ini **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** kerana pembaca tertanya-tanya sama ada majlis pertunangan diteruskan atau sebaliknya.

7 Peristiwa Nek Kiah sanggup menjual tanah tapak rumah yang diduduki oleh keluarga Embong.

Huraian: Peristiwa ini dikatakan **menimbulkan rasa ingin tahu pembaca** kerana pembaca tertanya-tanya akan nasib yang menimpa keluarga Embong setelah Nek Kiah menjual tanah tersebut.

(Terima apa-apa peristiwa yang sesuai)

BAHAGIAN C: RUMUSAN

Soalan 9 [30 markah]

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- a) Isi - **20 markah**
- b) Bahasa - **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang **1 isi** daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah **isi maksimum** yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah **8 isi** yang lengkap sahaja.

Bahagian		Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Maksimum							
	i) Pendahuluan									2						
ii)	Isi Bahan 1									16						
	Fokus 1 (kepentingan / kebaikan /manfaat / faedah)	4	4	3	2	1	1	2								
	Fokus 2 (punca / sebab / faktor)	3	1	2	2	3	2	1								
iii)	Isi Bahan 2															
	Fokus 1 (kepentingan / kebaikan /manfaat / faedah)	2	1	1	2	2	2	2								
	Fokus 2 (punca / sebab / faktor)	1	1	1	1	1	1	1								
iv)	Isi Bahan 3															
	Fokus 2 (punca / sebab / faktor)	2	1	1	1	1	2	2								
	Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8								
v)	Penutup/Kesimpulan									2						
Jumlah Markah									20							

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	• Kesenambungan ayat baik. • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.

Nota:

- i. Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- ii. Jika markah isi **6 markah dan ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- iii. Jika markah isi **5 markah dan ke bawah** tetapi bahasa *sangat baik*, **markah maksimum bahasa** ialah **5 markah**.
- iv. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, beri **0** markah bahasa.
- v. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

P1	...membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah hutan paya bakau dan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor kemusnahan hutan paya bakau	2
P2	...membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah hutan paya bakau	1
P3	...membincangkan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor kemusnahan hutan paya bakau	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1: kepentingan / kebaikan / kelebihan / manfaat / faedah****BAHAN 1**

A1	mempunyai nilai produktiviti yang tinggi	2
A2	menjadi sumber ekonomi kepada penduduk setempat	2
A3	berupaya menyerap sumber karbon lebih tinggi	2
A4	menjadi pelindung semula jadi daripada bencana alam	2

BAHAN 2

B1	pasir di pantai tidak terhakis	2
B2	tempat habitat flora dan fauna	2

FOKUS 2: punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor**BAHAN 1**

C1	banyak kawasan hutan paya bakau telah ditebus guna	2
C2	diteroka untuk pembukaan kolam udang dan ikan secara komersial	2
C3	dijadikan kawasan penempatan manusia	2

BAHAN 2

D1	berlaku bencana alam	2
----	----------------------	---

BAHAN 3

E1	pihak yang tidak bertanggungjawab menjadikan hutan bakau sebagai tempat pembuangan sampah	2
E2	pokok bakau telah ditebang secara haram	2

Kesimpulan [2 Markah]

K1	...hutan paya bakau perlu dipelihara agar dapat menjamin kelestarian alam sekitar	2
K2	...hutan paya bakau perlu dipelihara/dijaga	1
K3	... hutan paya bakau perlu kita jaga agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang	0
K4	... kita perlu menjaga hutan paya bakau agar dapat menjamin kelestarian alam sekitar	0

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT